

Headline	Jemaah digalak ambil dua vaksin tambahan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	08 Nov 2018	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	69,985
Page No	19	Readership	209,955
Language	Malay	ArticleSize	388 cm ²
Journalist	Oleh Suhaila Shahrul Annuar	AdValue	RM 13,375
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,124



[FOTO AHMAD IRHAM MOHD NOOR/BH]

Dr Dzulkefly (kiri) bersama Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Immunise4Life, Datuk Dr Zulkifli Ismail pada majlis Kempen Imunisasi Haji dan Umrah di Putrajaya, semalam.

Jemaah digalak ambil dua vaksin tambahan

➔ Lindungi daripada virus penyakit pneumokokus, influenza

Oleh Suhaila Shahrul Annuar
cnews@nstp.com.my

Putrajaya

Pengambilan vaksin bagi pneumokokus dan influenza dalam kalangan bakal jemaah haji dan umrah dapat memberi perlindungan tambahan daripada virus penyakit yang boleh membawa maut itu.

Pada masa ini, Kementerian Kesihatan hanya mewajibkan bakal jemaah haji dan umrah mengambil vaksin meningokokus, tetapi mereka amat digalakkan

mengambil vaksin bagi perlindungan dua penyakit itu dengan mengambil kira kesannya kepada kesihatan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata vaksin pneumokokus dan influenza tidak diberikan secara percuma oleh Kementerian Kesihatan tetapi boleh diperolehi di klinik dan hospital swasta sebagai perlindungan daripada penyakit yang boleh menyebabkan kematian itu.

Bantu kerajaan cegah penyakit

Katanya, influenza adalah jangkitan yang boleh menyebabkan kematian atau komplikasi serius seperti jangkitan sinus dan telinga; radang paru-paru, jantung, otak dan otot serta kegagalan pelbagai organ.

"Bagi pneumokokus pula jangkitannya boleh menyebabkan kematian akibat radang di selaput otak dan saraf tunjang; radang paru-paru (pneumonia) dan jangkitan dalam darah.

"Pengambilan vaksin ini

bukan sahaja boleh memberi perlindungan kepada kesihatan umum, malah akan menguntungkan negara kerana pencegahan penyakit boleh mengelakkan kehilangan produktiviti individu yang bekerja selain mengurangkan perbelanjaan kerajaan untuk rawatan yang memakan kos lebih tinggi," katanya pada sidang media selepas melancarkan Kempen Imunisasi Haji dan Umrah di sini, semalam.

Beliau berkata, pengambilan vaksin juga penting sebagai persediaan jasmani bagi bakal jemaah haji dan umrah bagi memastikan kesihatan yang baik sekali gus memudahkan mereka menunaikan ibadah.

"Jemaah yang dijangkiti penyakit berjangkit seperti meningokokus, pneumokokus dan influenza di Tanah Suci juga berisiko menyebarkan jangkitan ke tanah air, sekali gus menyebabkan ahli keluarga lain yang lemah sistem imun seperti bayi dan kanak-kanak dijangkiti," katanya.